

27 NOV, 2020

Rakyat terjejas COVID-19 dibela

Berita Harian, Malaysia

Page 1 of 2

Belanjawan Johor 2021

Rakyat terjejas COVID-19 dibela

Tiada pihak terpinggir daripada Agenda Johor berkebijakan

Oleh Mohamed Farid Noh
farid_noh@bh.com.my

Iskandar Puteri: Agenda Johor berkebijakan yang diumumkan menerusi Belanjawan Johor 2021 akan terus membela rakyat di negeri itu yang terjejas akibat COVID-19 terutama golongan B40 yang bakal menerima bantuan *one off* sehingga RM500.

Menteri Besar, Datuk Hasni Mohammad, berkata ia adalah intervensi dan bantuan segera kepada golongan B40 yang begitu terkesan dengan keadaan ekonomi semasa.

Katanya, antara golongan B40 yang disenaraikan termasuk pemberian wang tunai *one-off* sebanyak RM300 ringgit selama dua bulan kepada 26,626 penerima daripada senarai e-Kasih Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).



Persidangan Dewan Undangan Negeri Johor di Bangunan Sultan Ismail, Kota Iskandar, semalam. (Foto BERNAMA)

"Antara agenda lain yang akan dilaksanakan adalah pemberian wang tunai *one-off* RM500 kepada 47,159 penyewa premis, pasar awam, peniaga pasar malam dan pasar tani yang berdaftar dengan pihak berkuasa tempatan (PBT).

"Selain itu, pemberian wang tunai *one-off* RM500 kepada 5,205 pemilik teksi, teksi limosin dan teksi lapangan terbang," katanya ketika membentangkan Belanjawan Johor 2021 pada Persidangan Ketiga Dewan Negeri Johor Ke-14, di sini semalam.

Hasni berkata, kerajaan Johor turut memberikan wang tunai *one-off* RM150 kepada 35,000 mahasiswa anak Johor daripada keluarga B40.

Katanya, pemberian wang tunai *one-off* RM500 juga disediakan kepada 2,071 pengusaha bas sekolah berdaftar, selain pemberian insentif bantuan *one-off* RM100 kepada 20,000 pemandu dan penghantar makanan syarikat e-hailing yang berdaftar di Johor.

"Wang tunai *one-off* RM100 juga turut diberikan kepada setiap pelajar sekolah rendah dan menengah yang berasal daripada keluarga berpendapatan RM3,000 hingga RM7,000 sebulan.

Hasni turut mengumumkan penjawat awam Johor menerima Bantuan Khas Kewangan setengah bulan gaji atau minimum RM1,000 yang akan dibayar sebelum akhir tahun ini.

Katanya, penjawat awam persekutuan yang dibayar gaji Kerajaan Johor turut menerima Bantuan Khas Kewangan berkecuali, selain membabitkan guru Kelas al-Quran dan Fardu Ain (KAFa), petugas Pusat Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) serta guru Tadika Islam Johor (TAJ).

Hasni berkata, kerajaan negeri menyediakan dana RM100 juta kepada usahawan perusahan kecil dan sederhana (PKS) yang terjejas dan layak dengan faedah muna-sabah serta syarat longgar yang akan diberikan menerusi skim pembiayaan Johor Niaga-Bank Rakyat SME Loan dengan kerjasama Bank Rakyat.

Katanya, kerajaan negeri turut

memberi pengecualian bayaran lesen bagi penjaja, peniaga PKS, mikro, sewa premis dan gerai, sewa tapak pasar malam dan pasar pagi selama setahun, berkuat kuasa 1 Januari 2021.

Beliau berkata, bagi menggalakkan perniagaan kecil-kecilan, pihak Perbadanan Usahawan Johor Berhad (PUJB) dan semua PBT akan menyediakan ruang serta peluang berniaga bersesuaian kepada peniaga kecil dan peniaga *food truck*.

Mengenai bantuan orang muda Johor, Hasni berkata, pelbagai inisiatif akan dilaksanakan dalam bentuk skim pinjaman, biasiswa dan tabung pendidikan termasuk peruntukan RM1 juta bagi melaksanakan Program Pembangunan Murid Johor serta Program Pengayaan Bahasa Inggeris.

"Kerajaan Johor juga akan memberikan Dana Galakan Persekutuan Belia Negeri Johor bagi melaksanakan pelbagai program meliputi aktiviti kesukarelawan, khidmat bakti masyarakat, belia, sukan dan rekreasi," katanya.

"Program XTIF Johor diwujudkan dengan peruntukan RM1.98 juta bagi merakyatkan dan menggalakkan aktiviti sukan sebagai gaya hidup rakyat," katanya.



27 NOV, 2020

Rakyat terjejas COVID-19 dibela

Berita Harian, Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

Tiada pihak terpinggir daripada Agenda Johor berkebajikan

Iskandar Puteri: Agenda Johor berkebajikan yang diumumkan menerusi Belanjawan Johor 2021 akan terus membela rakyat di negeri itu yang terjejas akibat COVID-19 terutama golongan B40 yang bakal menerima bantuan one off sehingga RM500. Menteri Besar, Datuk Hasni Mohammad, berkata ia adalah intervensi dan bantuan segera kepada golongan B40 yang begitu terkesan dengan keadaan ekonomi semasa.